

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 (7)
Tarikh : 30 April 2015

KEPADA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL1/2015 – PENGGUNAAN GARIS PANDUAN: MALAYSIAN QUALIFICATION STATEMENT (MQS)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bagi memudahkan mobiliti graduan Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu dokumen iaitu *Malaysian Qualification Statement* (MQS) sebagai dokumen iringan tambahan kepada transkrip dan skrol akademik graduan.

3. Tujuan memperkenalkan dokumen MQS adalah untuk meningkatkan kefahaman pihak berkepentingan terutamanya majikan dan pemberi pendidikan tinggi (PPT) dalam dan luar negara terhadap sijil akademik graduan Malaysia. Hal ini selanjutnya akan memudahkan proses pengiktirafan bagi urusan mobiliti pelajar dan memasuki pasaran kerja di dalam dan luar negara.

4. Untuk makluman, Garis Panduan: *Malaysian Qualification Statement* (MQS) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis MQA Bil. 2/2015 pada 10 Februari 2015 telah dibina melalui pemerhatian terhadap pelaksanaan pengeluaran dokumen yang seumpamanya di luar negara, maklum balas daripada pihak berkepentingan dan sesi ujian rintis.

5. Dimaklumkan juga, pelaksanaan pengeluaran MQS adalah berdasarkan ketetapan seperti berikut:


- i. pengeluaran MQS oleh PPT di Malaysia ditetapkan sebagai pilihan;
- ii. MQS dikeluarkan kepada kelayakan Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM) ke atas sahaja;
- iii. MQS dikeluarkan kepada pelajar sebaik sahaja keperluan penganugerahan sesuatu kelayakan dipenuhi dan mendapat pengesahan Senat PPT;
- iv. pelajar tidak dikenakan sebarang fi untuk mendapatkan MQS; dan
- v. PPT di Malaysia perlu mengguna pakai format MQS seperti yang terkandung dalam Garis Panduan: MQS sebagai asas dalam mengeluarkan MQS masing-masing. Walau bagaimanapun, PPT dibenarkan untuk menambah elemen-elemen yang bersesuaian selaras dengan keperluan masing-masing.

6. Adalah diharap, Garis Panduan: Malaysian Qualification Statement (MQS) ini dapat dijadikan panduan PPT dalam penyediaan MQS kepada graduan masing-masing. Untuk makluman, garis panduan ini boleh dimuat turun di portal MQA (www.mqa.gov.my)

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No Tel : 03-79687044
No Faks : 03-79569496
E-mel : mrujhan@mqa.gov.my

s.k.:

1. Y.A.B. Menteri Pendidikan Malaysia
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 10, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA
2. YB. Menteri Pendidikan Malaysia II
Pejabat Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 18, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Setiausaha II
Pejabat Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA
5. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

6. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P PUTRAJAYA

7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P PUTRAJAYA